



JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK

BULETIN JTK SARAWAK

Kementerian Sumber Manusia

EDISI 20 BIL 1/2019 (JANUARI - JUN 2019)

H IMPERIAL



KANDUNGAN

- Dari Meja Ketua Editor
- Perutusan Pengarah Tenaga Kerja Sarawak
- Aktiviti Rasmi Jabatan
- Aktiviti Kelab
- Sudut Pendidikan Perburuan
- Info ICT
- Berita Warga
 - Salam Perkenalan
 - Kenaikan Pangkat
 - Pertukaran (ke luar Jabatan)
 - Pertukaran (dalam Jabatan)
 - Pengurniaan Pingat
 - Pegawai Yang Bersara
 - Kelahiran Cahaya Mata
 - Sekalung Takziah



Dari Meja KETUA EDITOR



Assalamualaikum wbt,
Salam sejahtera,

Selamat bersua lagi dalam keluaran terkini Buletin JTK Sarawak. Ini merupakan edisi kedua puluh buletin ini. Ia akan merangkumi program dan aktiviti kami yang berlangsung dari Januari hingga Jun 2019.

Persidangan Pegawai-Pegawai Jabatan Tenaga Kerja Sarawak Siri 1 Tahun 2019 telah berlangsung dengan jayanya pada 27 hingga 30 Januari 2019. Ini disusuli dengan Program Karnival Kerjaya Bahagian Mukah pada 23 Februari 2019 dan Karnival Kerjaya Lawas pada 9 Mac 2019.

Beberapa kursus dan bengkel pula menyusul selepas itu. Satu program khas yang kami namakan Program Karnival Kerjaya Mini Darul Hana 2019 diadakan pada 28 Mac 2019. Ia diadakan atas permintaan dan kerjasama dengan pihak yang membangunkan kawasan Darul Hana di Kampung Seberang Hilir, Petra Jaya, Kuching.

Pada April pula diadakan satu lagi karnival kerjaya. Kali ini ia diadakan di Bintulu. Di samping itu, satu sesi *Town Hall* berhubung cadangan pindaan terhadap Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76) diadakan pada 26 April 2019. Pada 27 Jun 2019 acara tahunan iaitu Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018 telah berlangsung.

Semua peristiwa ini dipahat sebagai satu penulisan untuk paparan pembaca budiman agar ia menjadi sebahagian daripada sejarah manis Jabatan kelak.

Selamat membaca.

SULAIMAN BIN ISMAIL
Ketua Editor

**AS WE LET OUR OWN LIGHT
SHINE, WE UNCONSCIOUSLY
GIVE OTHER PEOPLE
PERMISSION TO DO
THE SAME.**



Perutusan

PENGARAH

TENAGA KERJA SARAWAK



Assalamualaikum wbt,
Salam sejahtera,

Para pembaca budiman,

Selamat bertemu kembali dalam keluaran terkini, iaitu Edisi 20 Bil. 1 /2019 Buletin JTK Sarawak. Kita telah pun berada pada pertengahan tahun 2019 ini. Masa terasa begitu pantas berlalu.

Pada 27 Jun yang lalu Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018 telah diadakan. Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pegawai dan staf Jabatan Tenaga Kerja Sarawak yang telah berjaya menerima anugerah pada majlis berkenaan. Semoga mereka akan terus memberikan perkhidmatan cemerlang dengan penuh berintegriti demi negara tercinta. Di samping itu, mereka hendaklah juga menjaga disiplin diri supaya dapat menjadi teladan kepada semua pegawai dan staf yang lain.

Pelbagai program dan aktiviti telah berlangsung dari Januari hingga Jun 2019. Ini semua diketengahkan dalam buletin keluaran ini. Antara program dan aktiviti ini ialah Program Karnival Kerjaya. Ia diadakan saban tahun untuk membantu para pencari kerja bagi mendapatkan pekerjaan atau meningkatkan kerjaya mereka. Pada tahun lepas seramai 13,595 pencari kerja telah berjaya ditempatkan ke dalam pelbagai bidang pekerjaan. Kami rasa bersyukur dan dengan rasa rendah hati berbangga kerana dapat sedikit-sebanyak membantu mereka yang berkenaan.

Kepada para belia kita yang masih berada di bangku sekolah atau di mana sahaja mereka berada, saya ingin menasihatkan mereka supaya memikirkan untuk meninjau peluang pengajian dan latihan dalam bidang teknikal dan vokasional (yang sangat sering disebut sebagai TVET iaitu Technical and Vocational Education and Training) sesuai dengan penekanan kerajaan terhadap bidang ini. Bidang ini merupakan antara pilihan utama di negara maju seperti Jerman dan Korea Selatan. Saya percaya negara kita juga menuju ke arah itu.

Penekanan terhadap pematuhan Perintah Gaji Minimum 2018 terus digiatkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Sarawak. Saya menyeru para majikan prihatin dengan perkara ini. Kami akan terus menguatkuasakan perintah ini dan membawa mereka yang ingkar ke muka pengadilan. Pada tahun lalu, sebanyak 34 pendakwaan dan 149 kompaun telah dikeluarkan bagi pelbagai kesalahan termasuk kegagalan majikan membayar gaji minimum kepada pekerja mereka.

Selain itu beberapa aktiviti dan program lain juga kami ketengahkan kepada para pembaca budiman dalam buletin ini. Semoga perkongsian ini memberikan manfaat kepada semua pihak. Selamat membaca.

Sekian, wassalam dan salam sejahtera.

AWANG RADUAN BIN AWANG OMAR
Pengarah Tenaga Kerja Sarawak

Persidangan Pegawai-Pegawai Jabatan Tenaga Kerja Sarawak Siri 1 Tahun 2019

IMPERIAL



Seramai 50 orang pegawai dari Ibu Pejabat dan Pejabat Tenaga Kerja Bahagian telah menyertai persidangan ini di Imperial Hotel, Kuching pada 27 hingga 30 Januari 2019. Sepanjang persidangan berlangsung, para pegawai telah memberi input dan cadangan masing-masing dalam menyediakan langkah dan inisiatif strategik SKT Jabatan bagi tahun ini.



Program Karnival Kerjaya Bahagian Mukah

PKK Mukah 23.2.2019



Pejabat Tenaga Kerja Mukah telah melaksanakan Program Karnival Kerjaya pada 23 Februari 2019 bertempat di Dewan Mesra Mukah. Sebanyak 25 booth temuduga telah disediakan untuk program ini dengan penyertaan seramai 14 majikan dari dalam dan luar Bahagian Mukah. Dianggarkan seramai 1,333 orang pengunjung yang hadir ke program ini. Sebanyak 781 kekosongan jawatan telah ditawarkan oleh majikan yang menyertai program ini. Jumlah pencari kerja yang telah ditemuduga pada hari tersebut ialah seramai 659 orang dan seramai 176 orang telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan.



Penyampaian sijil penghargaan penyertaan kepada salah sebuah majikan oleh Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Tenaga Kerja bersama pegawai-pegawai kanan Jabatan



Para pencari kerja sedang meneliti senarai jawatan kosong yang ditawarkan oleh majikan



Para pencari kerja sedang menunggu giliran temuduga



Kaunter pendaftaran untuk mendapatkan giliran temuduga

Bengkel Pembangunan Klasifikasi Fail JTK Sarawak

Bengkel ini telah dianjurkan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sarawak pada 25 hingga 27 Februari 2019 bertempat di Grand Dorman Rajah Court Hotel Kuching. Seramai 40 orang pegawai dan staf di peringkat Ibu Pejabat dan Pejabat-pejabat Bahagian di Sarawak telah menghadiri bengkel ini. Penerima jemputan ialah Puan Roseline Mapong Sabai dan dibantu oleh Encik Robin George daripada Jabatan Arkib Negara Malaysia Cawangan Sarawak.

Antara objektif bengkel ini adalah seperti berikut:-

- (i) memberi kefahaman tentang kaedah dan tatacara penyediaan Sistem Klasifikasi Fail;
- (ii) meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pelaksanaan menyediakan Sistem Klasifikasi Fail; dan
- (iii) mengemaskini dan membangunkan Sistem Klasifikasi Fail urusan am dan fungsian yang baharu di JTK Sarawak.





Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Tenaga Kerja bergambar dengan pegawai-pegawai kanan Jabatan dan para pencari kerja

Program Karnival Kerjaya Lawas

Pejabat Tenaga Kerja Lawas telah menganjurkan Program Karnival Kerjaya Lawas 2019 di Dewan Seri Sari, Hotel Seri Malaysia, Lawas pada 9 Mac 2019. Seramai 20 majikan telah menyertai program ini dengan menawarkan 552 jawatan kosong untuk diisi oleh para pencari kerja. Dianggarkan seramai 1,007 orang pengunjung telah menghadiri program ini. Sejumlah 319 pencari kerja telah ditemuduga pada hari tersebut dan seramai 214 orang telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan.



Kaunter pendaftaran untuk mendapatkan nombor giliran temuduga



Paparan kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh majikan yang menyertai program ini



Para pencari kerja sedang mengisi borang permohonan kerja

Bengkel Penambahbaikan Prosedur Tindakan Susulan Dalam Pemeriksaan Berkanun

Bahagian Standard Perburuhan, Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah menganjurkan Bengkel Penambahbaikan Prosedur Tindakan Susulan Dalam Pemeriksaan Berkanun pada 18 Mac 2019 hingga 21 Mac 2019 bertempat di Harbour View Hotel, Kuching. Bengkel tersebut telah dihadiri oleh 7 orang pegawai dari Ibu Pejabat dan 9 orang pegawai dari Pejabat Tenaga Kerja.

Bengkel ini bertujuan bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan tindakan susulan dalam pemeriksaan berkanun. Ia meliputi maklumat yang perlu diperolehi ketika menjalankan pemeriksaan dan tindakan pembetulan yang perlu diambil oleh majikan bagi setiap pelanggaran yang telah dilakukan olehnya. Pada masa yang sama, perkara-perkara yang berkaitan dengan tindakan susulan juga dibincang dalam bengkel tiga hari tersebut.

Para peserta telah dibahagikan kepada tiga kumpulan untuk berbincang dan memberikan pandangan ke atas perkara dan isu yang dibangkitkan dalam bengkel ini.



Pengarah Tenaga Kerja Sarawak, Encik Awang Raduan bin Awang Omar sedang memberi amanatnya kepada para peserta bengkel pada 19 Mac 2019 di Hotel Harbour View, Kuching



JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



Lawatan Penanda Aras Berkaitan Pengurusan Pekerja Asing di Sarawak

Pada 22 Mac 2019 jam 9.00 pagi, rombongan Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri telah mengadakan lawatan penanda aras ke Ibu Pejabat JTK Sarawak. Lawatan tersebut disambut oleh Puan Jamillah binti Putit, Ketua Penolong Pengarah Tenaga Kerja bersama beberapa pegawai kanan di Ibu Pejabat. Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat mekanisme yang diguna pakai di Sarawak dalam proses kelulusan kuota, pembayaran levi, prosedur kemasukan dan sistem dalam talian untuk permohonan pekerja asing.



Kursus Pengurusan Kewangan Siri 1/2019



Pada 26 hingga 28 Mac 2019, Jabatan telah menganjurkan Kursus Pengurusan Kewangan Siri 1/2019 di Kingwood Hotel, Sibu. Seramai 40 orang pegawai dan staf yang terlibat dalam pengurusan kewangan di Ibu Pejabat dan Pejabat Bahagian di Sarawak telah menghadiri kursus ini.

Kursus ini telah dikendalikan oleh penceramah jemputan iaitu Puan Noor Rita binti Kassim dan Puan Noor Azlina binti Nor Hasim daripada Unit Audit Dalam, Kementerian Sumber Manusia; Encik Among Jengga daripada SPRM Cawangan Sibu; Puan Azizah binti Onn dan Encik Sulaiman bin Teten daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Cawangan Sibu.

Antara objektif bengkel ini adalah seperti berikut:-

- (i) memberi pendedahan kepada kakitangan Jabatan berkenaan Akauntabiliti, Integriti dan Prosedur dalam melaksanakan tugas-tugas kewangan;
- (ii) menambah ilmu pengetahuan berkenaan penemuan, keperluan dan justifikasi audit dalam kewangan; dan
- (iii) mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan dalam melaksanakan tugas kewangan agar tidak melanggar peraturan dan prosedur yang sedang berkuatkuasa.

Bengkel Pengemaskinian Prosedur dan Proses Kerja Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin



Bengkel ini dianjurkan oleh Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak pada 26 hingga 29 Mac 2019 bertempat di Harbour View Hotel, Kuching. Bengkel ini telah dihadiri oleh 15 orang pegawai dan kakitangan yang terlibat langsung dalam proses Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin dari Ibu Pejabat dan Pejabat Tenaga Kerja. Antara objektifnya adalah untuk menyemak semula dan mengemaskini:-

- (a) prosedur dan proses kerja dalam *Monitoring System on the Employment of Non-Sarawakians* (MSEN) dan secara manual. Ini adalah selaras dengan saranan daripada pihak SPRM bagi mengelakkan ketirisan di kalangan pegawai dalam urusan menerima dan memproses permohonan di samping memperkasakan SOP Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin supaya selaras dengan perubahan semasa;
- (b) dokumen-dokumen, format surat dan borang-borang berkaitan untuk proses / *hands-on* sistem MSEN; dan
- (c) garis panduan permohonan AP dan Lesen / *hands-on* sistem MSEN.



Temu duga terbuka oleh salah sebuah majikan yang menyertai program ini



Para pencari kerja sedang mengisi borang permohonan kerja



Penyampaian sijil penghargaan penyertaan kepada majikan oleh YB Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi, Menteri Muda Utiliti (Bekalan Elektrik)



Kaunter pendaftaran untuk mendapatkan nombor giliran temu duga

Program Mini Karnival Kerjaya Darul Hana 2019

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli untuk menganjurkan Program Mini Karnival Kerjaya Darul Hana 2019 pada 28 Mac 2019 bertempat di Masjid Darul Hana, Petra Jaya Kuching. Program ini telah dirasmikan dengan lawatan secara *walk about* oleh Yang Berhormat Menteri Muda Utiliti (Bekalan Elektrik) Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi. Program ini adalah bertujuan untuk memberi platform kepada para pencari kerja bagi merebut peluang-peluang pekerjaan yang disediakan oleh para majikan. Seramai 12 majikan telah menyertai program ini dengan menawarkan 785 jawatan kosong. Pada hari tersebut, seramai 451 pencari kerja telah ditemuduga dengan 54 orang telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan manakala 361 orang dalam status KIV. Dianggarkan seramai 577 orang pengunjung yang hadir ke program ini.



Sesi bergambar para petugas program dengan YB Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi, Menteri Muda Utiliti (Bekalan Elektrik)



Sesi bergambar para petugas program



Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Tenaga Kerja Sarawak melawat ke booth majikan



Kaunter pendaftaran untuk mendapatkan nombor giliran temu duga



Kaunter pendaftaran JobsMalaysia untuk para pencari kerja

Program Mini Karnival Kerjaya Bintulu

Program Mini Karnival Kerjaya kerjasama Pejabat Tenaga Kerja Bintulu dengan Institut Kemahiran Mara (IKM) Bintulu 2019 telah diadakan sempena Majlis Konvokesyen IKM Bintulu 2019. Program ini telah diadakan pada 6 April 2019 bertempat di Perkarangan IKM Bintulu. Objektif utama pengajuran program ini adalah untuk memberi pendedahan dan informasi kepada pencari kerja tempatan mengenai peluang-peluang pekerjaan terkini yang ditawarkan oleh para majikan. Selain membantu pencari kerja mendapatkan pekerjaan, ia sekaligus menjadi platform kepada majikan untuk mendapatkan tenaga kerja yang dikehendaki bagi mengisi kekosongan jawatan melalui temu duga terbuka yang diadakan. Seramai 10 majikan telah menyertai program ini dengan menawarkan 321 jawatan kosong. Pada hari tersebut, seramai 510 pencari kerja telah ditemuduga dengan 21 orang telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan manakala 233 orang dalam status KIV. Dianggarkan seramai 704 orang pengunjung yang hadir ke program ini.



Penyampaian sijil penghargaan penyertaan kepada majikan oleh Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Tenaga Kerja Sarawak bersama pegawai-pegawai kanan Jabatan dan wakil IKM Bintulu

Sesi Town Hall Pindaan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76)



Sesi town hall ini telah berlangsung pada 9 April 2019 di *Islamic Information Centre* (IIC), Kuching dan seramai 208 peserta telah menghadiri sesi berkenaan. Sesi ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas daripada pihak berkepentingan seperti majikan, pekerja, kesatuan dan persatuan berkaitan pindaan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76) sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pindaan Ordinan-Ordinan Buruh bersama Kerajaan Negeri dan juga Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC).

Perjumpaan dan Amanat Pengarah Bersama Warga Pegawai dan Staf Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



Bahagian Khidmat Pengurusan JTK Sarawak telah menganjurkan Perjumpaan dan Amanat Pengarah Bersama Warga Pegawai dan Staf JTK Sarawak pada 26 April 2019 bertempat di Empress Ballroom, Kingwood Hotel. Seramai 128 orang pegawai dan staf dari seluruh Sarawak telah menghadiri perjumpaan ini. Selain penyampaian amanat oleh Tuan Pengarah, aktiviti-aktiviti yang turut diadakan adalah Bacaan Ikrar Perkhidmatan Awam, Perkenalan dengan warga Jabatan yang baru, berpindah dan kenaikan pangkat serta penyampaian sijil penghargaan kepada warga Jabatan yang telah berkhidmat lebih daripada 25 tahun dalam perkhidmatan awam.



**HARI BERTEMU
PELANGGAN**
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

BATAN / AGENSI :

DAGA KERJA SARAWAK
TUBUNGAN PERUSAHAAN
WAL KESATUAN SEKERA
YAN DAN KESIHATAN PEKERJA
NGUN KEMAHIRAN
KESELAMATAN SOSIAL
(PERKESO)
PERUSAHAAN INDUSTRIAN (ILP)
PERUSAHAAN MALAYSIA
PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
LOGI TINGGI (ADTEC) BINTULU
HIER MANUSIA BERHAD
KESELAMATAN DAN
PEKERJAAN NEGARA (KSPN)

JAMAN AMANAH
SI NEGARA

Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Sumber Manusia



Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan program Hari Bertemu Pelanggan yang pertama di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) di Sarawak pada 18 Jun 2019 bertempat di Lobi Bangunan Sultan Iskandar, Kuching. Sebanyak 12 Jabatan/Agenzi yang bernaung di bawah KSM telah menyertai program ini.

Program ini merupakan salah satu pendekatan secara “out reach” dalam penyampaian perkhidmatan Kerajaan secara terus kepada orang ramai untuk mendapatkan informasi berkaitan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan dan Agenzi KSM tanpa perlu pergi ke satu-satu lokasi pejabat yang berlainan.

Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program ini berlangsung adalah seperti:-

- khidmat nasihat berhubung hal-hal perburuhan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan majikan dan sekerja, keselamatan sosial kepada orang awam;
- aktiviti pendaftaran di Portal JobsMalaysia khusus untuk pencari kerja dan majikan;
- aktiviti semakan status permohonan pekerja bukan pemastutin khusus bagi majikan; dan
- peluang-peluang latihan yang disediakan oleh agensi berkaitan.



Sesi bergambar para peserta bengkel bersama Encik Sulaiman bin Ismail,
Timbalan Pengarah Tenaga Kerja

Bengkel Penambahaikan Prosedur Penyiasatan Dalam Menguruskan Permohonan Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU)

Bahagian Standard Perburuhan, Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah menganjurkan Bengkel Penambahaikan Prosedur Penyiasatan Dalam Permohonan Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU) pada 18 Jun 2019 hingga 20 Jun 2019 bertempat di Dorset Boutique Hotel Kuching. Bengkel tersebut telah dihadiri oleh 5 orang pegawai dari Ibu Pejabat dan 9 orang pegawai dari Pejabat Tenaga Kerja.

Bengkel ini bertujuan bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Prosedur Penyiasatan Dalam Menguruskan Permohonan Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU). Ia merangkumi permohonan untuk pembelian barang, pembinaan atau pengubahsuaian premis perniagaan dan pembelian alat promosi yang berkaitan bagi tujuan memperkembangkan perniagaan pemohon.

Para peserta telah dibahagikan kepada tiga kumpulan untuk berbincang dan membuat pembentangan tentang perkara dan isu yang dibincangkan oleh mereka.



Para peserta bengkel sedang membuat pembentangan dalam kumpulan



Timbalan Pengarah Tenaga Kerja, Encik Sulaiman bin Ismail ketika memberi ucapan perasmian penutupan pada 20 Jun 2019 di Dorset Boutique Hotel, Kuching



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018

Pada 27 Jun 2019, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018 telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan dirasmikan oleh Menteri Sumber Manusia, Yang Berbahagia M. Kula Segaran. Seramai 23 orang pegawai dan kakitangan daripada Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah dipilih untuk menerima anugerah tersebut seperti berikut:

Bil.	Nama Penerima	Jawatan	Gred	Pejabat Tenaga Kerja
1	Ewiim @ Ewiin anak Michael Sinar	Pegawai Perhubungan Perusahaan	S48 (M)	Ibu Pejabat
2	Stanley Bennet Lehan	Pegawai Perhubungan Perusahaan	S44	Ibu Pejabat
3	Jessie anak Bidut	Pegawai Perhubungan Perusahaan	Fleksi S41/S44	Serian
4	Bibi Diana binti Abdul Manaf	Pegawai Perhubungan Perusahaan	Fleksi S41/S44	Bintulu
5	Lio Siang Yun	Pegawai Perhubungan Perusahaan	Fleksi S41/S44	Marudi
6	Nigel anak Na'of	Pegawai Perhubungan Perusahaan	S41	Ibu Pejabat
7	Kartini anak Anthony Juan	Pegawai Perhubungan Perusahaan	S41	Ibu Pejabat
8	Fabian Punan Liam	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan	S32	Lawas
9	Marsitah binti Bohari	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan	S32	Miri
10	Muhamad Izwan bin Abd Rashid	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan	S29	Bakun
11	Vivien anak Liam	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan	S29	Kuching
12	Zayatini binti Zahari	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan	S29	Kuching
13	Dayang Asmiza binti Awang Ismadi	Penolong Akauntan	W29 (KUP)	Kota Samarahan
14	Juliane Teng Wei Ning	Jurubahasa	LA29 (KUP)	Sibu
15	Hairulnisa binti Mohamad Yusop	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N22 (TBK)	Bintulu
16	Martha anak Sawun	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N19	Ibu Pejabat
17	Mohammad Ariffin bin Samin	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N19	Betong
18	Sarah Wong Cheang Hsia	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N19	Sri Aman
19	Sharifah Zurina binti Wan Wek	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N19	Kota Samarahan
20	Norazwati binti Tasip	Pembantu Perhubungan Perusahaan	S19	Limbang
21	Sam Faddy anak Layu	Pembantu Perhubungan Perusahaan	S19	Kota Samarahan
22	Yussof bin Tuko	Pembantu Operasi	N14	Sibu
23	Gaffar bin Mohamad	Pemandu Kenderaan	H11	Ibu Pejabat

Hari Keluarga Vaganza JTK Sarawak 2019

Jawatankuasa Kelab Sosial dan Kebajikan JTK Sarawak telah menganjurkan Hari Keluarga Vaganza sempena Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan Ke-14 pada 26 hingga 28 April 2019 bertempat di Sibu, Sarawak. Seramai 253 ahli kelab dan ahli keluarga dari seluruh Sarawak telah menyertai program ini. Penganjuran program ini bertujuan untuk mengeratkan silaturahim dan hubungan kekeluargaan antara ahli kelab serta ahli keluarga yang turut serta di samping memberi peluang kepada ahli kelab saling mengenali antara satu sama lain.



Majlis Gawai Raya Tahun 2019



Kelab Kebajikan dan Sosial JTK Sarawak cawangan Ibu Pejabat telah menganjurkan Majlis Gawai Raya Tahun 2019 pada 19 Jun 2019 bertempat di ruang legar, Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk meraikan Sambutan Hari Gawai dan Hari Raya Aidilfitri di samping bagi mengeratkan lagi silaturahim warga kerja JTK Sarawak.



Perbandingan Terma atau Syarat Kontrak Perkhidmatan yang Ditetapkan di bawah Ordinan Buruh Sarawak, Ordinan Buruh Sabah dan Akta Kerja

Adalah menjadi suatu yang menarik apabila membincangkan undang-undang buruh di Malaysia. Ini disebabkan terdapat tiga perundangan buruh yang sedang berkuat kuasa di ketiga-tiga kawasan wilayah, iaitu Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Di Semenanjung Malaysia, sudah pasti ramai yang tahu tentang Akta Kerja. Ia merupakan satu perundangan yang penting untuk pekerja dan majikan di sektor swasta kerana akta ini mengawal selia terma dan syarat kontrak perkhidmatan antara mereka.

Walaupun Jadual Kesembilan pada Perlembagaan Persekutuan telah menyenaraikan “buruh” di bawah senarai persekutuan, namun Akta Kerja tidak terpakai di Sabah dan Sarawak. Kedua-dua negeri ini, sebaliknya, menggunakan Ordinan Buruh yang berkuat kuasa di negeri masing-masing.

Kedua-dua Ordinan Buruh mula dikuatkuasakan di sekitar tahun 1950-an semasa penjajahan British sehingga Sabah dan Sarawak bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu dalam pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Kedua-dua Ordinan ini terus dipakai dan diisytiharkan sebagai undang-undang Persekutuan. Pada tahun 2004, pindaan telah dibuat ke atas kedua-dua Ordinan ini dengan memodelkan Akta Kerja. Tujuan pindaan dibuat adalah untuk memansuhkan peruntukan lama yang tidak lagi dianggap perlu mengikut keadaan semasa. Selain itu, pindaan dibuat bagi membolehkan pekerja di kedua-dua negeri ini menikmati faedah dan perlindungan yang sama dengan pekerja di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, jika diteliti peruntukan dalam kedua-dua Ordinan yang dipinda itu, terdapat peruntukan-peruntukan tertentu yang hanya khusus untuk pekerja di kedua-dua negeri ini jika dibanding dengan peruntukan di bawah Akta Kerja.

Harus dibincang terlebih dahulu bahawa semangat Akta Kerja dan Ordinan Buruh adalah untuk melindungi pekerja-pekerja di peringkat bawahan dan pertengahan. Pemakaian undang-undang ini adalah dihadkan kepada dua kategori pekerja yang disenaraikan dalam Jadual, iaitu, kategori pertama yang berdasarkan jumlah gaji tanpa mengambil kira jenis pekerjaannya, dan kategori kedua yang berdasarkan jenis pekerjaan tanpa mengambil kira jumlah gajinya. Dalam kategori pertama, kedua-dua Ordinan telah menetapkan bahawa ia meliputi pekerja yang gajinya tidak melebihi RM2,500.00 sebulan. Ini merupakan satu kelebihan buat pekerja di kedua-dua negeri ini berbanding dengan Semenanjung Malaysia kerana Akta Kerja hanya menyenaraikan pekerja yang gajinya tidak melebihi RM2,000.00 sebulan. Bagi kategori kedua, kedua-dua Ordinan telah menyenaraikan enam jenis pekerjaan yang tidak mengambil kira jumlah gajinya, iaitu pekerja yang terlibat dalam pekerjaan kasar, yang terlibat dalam pengendalian kenderaan berjentera, yang menyelia pekerja kasar, yang terlibat dalam pengambilan pekerja, yang digajikan dalam kapal, dan yang terlibat sebagai kakitangan domestik. Namun, mereka yang terlibat dalam pengambilan pekerja tidak disenaraikan di bawah Akta Kerja.

Walau bagaimanapun, harus diberi perhatian bahawa satu Perintah Penggajian (Pengecualian) telah dikeluarkan oleh Menteri Sumber Manusia di bawah kedua-dua Ordinan pada 30 September 2005 untuk mengecualikan semua pekerja bukan manual, eksekutif dan pengurusan yang gajinya antara RM2,001.00 dan RM2,500.00 sebulan yang diliputi di bawah kategori pertama daripada peruntukan hari kelepasan, waktu kerja, kerja syif dan kerja pada hari rehat. Sebagai contoh, seorang pekerja bukan manual yang bergaji RM2,300.00 adalah dikecualikan daripada peruntukan hari kelepasan melainkan syarat kontrak perkhidmatannya menetapkan ia berhak kepada hari kelepasan tersebut.

Selanjutnya, Akta Kerja memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja untuk meluluskan “approved incentive payment scheme” bagi maksud pengiraan kadar gaji biasa. Ini bermaksud majikan di Semenanjung Malaysia boleh memohon kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja untuk mengecualikan apa-apa bayaran insentif daripada pengiraan kadar gaji biasa tetapi ini tidak berlaku di negeri Sabah dan Sarawak kerana tidak ada peruntukan yang serupa atau in pari materia di bawah kedua-dua Ordinan yang membolehkan Pengarah Tenaga Kerja di kedua-dua negeri ini untuk berbuat demikian. Ini bermakna majikan di kedua-dua negeri ini tidak boleh memohon untuk pengecualian apa-apa bayaran insentif daripada

pengiraan kadar gaji biasa.

Di bawah Bab XIVA, kedua-dua Ordinan telah memberi keutamaan pekerjaan kepada pekerja pemastautin dan menetapkan syarat untuk pengambilan pekerja bukan pemastautin di kedua-dua negeri ini. Majikan yang ingin menggaji seseorang pekerja bukan pemastautin di kedua-dua negeri ini hendaklah terlebih dahulu memperolehi satu Lesen Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin daripada Pengarah Tenaga Kerja di negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, tidak ada peruntukan yang serupa di bawah Akta Kerja. Akta ini hanya mengenakan kewajiban ke atas majikan untuk memaklumkan Ketua Pengarah Tenaga Kerja mengenai penamatan perkhidmatan pekerja asingnya.

Bagi peruntukan yang berkaitan dengan kelayakan cuti bersalin, kedua-dua Ordinan telah menetapkan setiap pekerja wanita berhak menikmati cuti bersalin untuk tempoh tidak kurang daripada enam puluh hari berturut-turut bagi setiap kali bersalin. Perbezaan di sini ialah kedua-dua Ordinan menetapkan bahawa waktu bersalin adalah selepas sekurang-kurangnya dua puluh lapan minggu kehamilan manakala Akta Kerja menetapkan bahawa waktu bersalin adalah seawal dua puluh dua minggu kehamilan sekiranya berlaku kemungkinan seperti kelahiran pramatang atau keguguran.

Di samping itu, kedua-dua Ordinan menetapkan bahawa majikan yang menamatkan perkhidmatan pekerja wanita semasa cuti bersalin hendaklah dihukum. Walau bagaimanapun, di bawah Akta Kerja, sekatan ini tidak terpakai sekiranya penamatan perkhidmatan adalah disebabkan penutupan perniagaan majikan.

Selain itu, kedua-dua Ordinan menetapkan bahawa peruntukan ini hanya terpakai untuk pekerja wanita yang dilindungi di bawah Ordinan tetapi Akta Kerja telah meluaskan pemakaianya kepada semua pekerja wanita tanpa mengira gajinya. Ini bermakna setiap pekerja wanita yang diambil kerja di bawah kontrak perkhidmatan layak mendapat perlindungan bersalin yang diperuntukkan di bawah Akta Kerja tanpa mengambil kira gajinya.

Bagi penetapan bilangan hari kerja minimum, menurut kedua-dua Ordinan, sekiranya pekerja diambil kerja yang gajinya dikira berdasarkan bilangan hari kerja atau dikira berdasarkan gaji ikut kerja atau *piece rate*, majikan adalah terikat untuk memberikan kerja tidak kurang daripada lima setengah hari dalam setiap minggu untuk pekerja di negeri Sarawak, atau enam hari dalam setiap minggu untuk pekerja di negeri Sabah. Di bawah Akta Kerja, penetapan bilangan hari kerja minimum hanya terpakai untuk pekerja estet yang gajinya dikira berdasarkan bilangan hari kerja. Bilangan hari kerja minimum yang ditetapkan untuk pekerja estet tersebut adalah sebanyak dua puluh empat hari dalam setiap bulan.

Bagi hari kelepasan am, pekerja di Sarawak menikmati enam belas hari kelepasan berbayar manakala pekerja di Sabah menikmati empat belas hari kelepasan berbayar dalam setiap tahun kalender. Empat hari kelepasan am yang mandatori adalah Hari Kebangsaan, Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong, Hari Keputeraan Yang di-Pertua Negeri dan Hari Pekerja. Kedua-dua Ordinan juga mewajibkan majikan memilih hari kelepasan am yang masih berbaki mengikut agama dan budaya pekerja. Di Semenanjung Malaysia, pekerja menikmati sebelas hari kelepasan berbayar dalam setiap tahun kalender dan hari kelepasan am yang mandatori adalah sebanyak lima hari termasuk Hari Malaysia. Enam hari kelepasan am yang masih berbaki tidak semestinya dipilih mengikut agama dan budaya pekerja.

Berhubungan dengan sistem pembayaran gaji, kedua-dua Ordinan menetapkan bahawa gaji mesti dibayar dalam tempoh tujuh hari selepas berakhirnya tempoh gaji. Ini termasuk membayar gaji pekerja yang bekerja pada hari rehat, hari kelepasan dan kerja lebih masa. Majikan hanya boleh memohon kepada Pengarah Tenaga Kerja di negeri masing-masing untuk melanjutkan masa pembayaran gaji dalam keadaan apabila kontrak perkhidmatan berakhir atas sebab tamat tempoh dan gaji tidak dapat dibayar pada hari terakhir itu.

Ini berbeza dengan Akta Kerja yang mana majikan diberi tempoh yang munasabah bagi membayar gaji pekerja yang bekerja pada hari rehat, hari kelepasan dan kerja lebih masa, sehingga tidak lewat daripada hari terakhir tempoh

gaji yang berikutnya. Tambahan pula, majikan boleh memohon kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja untuk melanjutkan masa pembayaran jika pembayaran di dalam masa tersebut tidak boleh dibuat dengan munasabahnya.

Selain itu, sekiranya kontrak perkhidmatan ditamatkan tanpa notis oleh pekerja, majikan di bawah Ordinan harus membayar gaji kepada pekerja sebelum tamat hari ketujuh. Sekiranya keadaan yang sama berlaku di Semenanjung Malaysia, majikan harus membayar gaji kepada pekerja sebelum tamat hari ketiga tarikh penamatan.

Kedua-dua Ordinan menetapkan bahawa gaji dibayar untuk hari kerja sebenar, hari kelepasan, hari-hari selain dari hari Ahad atau hari rehat dan masa yang digunakan untuk menghadirkan diri di mahkamah jika kehadirannya perlu untuk keadilan awam. Akta Kerja tidak mempunyai peruntukan sedemikian.

Di samping itu, kedua-dua Ordinan menetapkan bahawa gaji hendaklah dibayar dengan wang yang sah. Wang yang sah bermaksud dalam bentuk wang tunai dan sekiranya pembayaran dibuat ke dalam akaun pekerja di bank atau pembayaran dengan cek, ia hendaklah dibuat dengan kebenaran bertulis pekerja. Di sebaliknya, Akta Kerja mewajibkan majikan untuk membuat pembayaran gaji kepada pekerjanya ke dalam akaun pekerja di bank dan sekiranya pembayaran dibuat dengan wang yang sah atau pembayaran dengan cek, ia hendaklah dibuat dengan kebenaran bertulis pekerja.

Berdasarkan peruntukan Ordinan, majikan boleh memberi pendahuluan gaji kepada pekerja melebihi jumlah gaji sebulan untuk membeli atau membina atau membaiki rumah, membeli tanah, membeli binatang ternakan, membeli basikal, motosikal atau kereta atau membeli saham dalam perniagaan majikan. Akta Kerja pula tidak memperuntukkan pendahuluan untuk membeli binatang ternakan tetapi meluaskan pemakaian peruntukan ini untuk membenarkan pendahuluan dibuat bagi pelbagai maksud seperti membeli komputer, membayar perbelanjaan perubatan untuk pekerja sendiri atau anggota keluarga terdekatnya, perbelanjaan harian sementara menunggu bayaran wang pampasan dan perbelanjaan pendidikan untuk pekerja sendiri atau anggota keluarga terdekatnya.

Walaupun Akta Kerja dan Ordinan Buruh masing-masing menyatakan bahawa kontrak perkhidmatan boleh dibuat secara lisan, namun ada kontrak perkhidmatan yang mesti dibuat secara bertulis, iaitu kontrak perkhidmatan yang bertempoh tetap yang melebihi satu bulan, atau kontrak perkhidmatan bagi perlaksanaan sesuatu kerja tertentu yang melebihi satu bulan. Selain itu, kontrak perantisan yang dibuat oleh majikan untuk mengambil kerja dan melatih seorang perantis juga perlu dibuat secara bertulis.

Di bawah Ordinan Buruh, kontrak perkhidmatan bertempoh tetap yang dibuat secara bertulis harus mengandungi terma yang jelas tentang hak dan kewajipan kedua-dua pihak sebagaimana yang ditetapkan oleh Kaedah-Kaedah yang dibuat di bawah Ordinan dan butir-butir sedemikian hendaklah diberi kepada pekerja sebelum atau pada permulaan kontrak perkhidmatannya dan termasuklah apa-apa perubahan terma dan syarat kontrak perkhidmatan selepas itu. Tidak ada peruntukan yang serupa di bawah Akta Kerja.

Di sebaliknya, Peraturan-Peraturan Kerja yang dibuat di bawah Akta Kerja menetapkan bahawa setiap majikan harus memberikan salinan daftar yang disedia dan disimpan olehnya berkenaan butir-butir tentang terma dan syarat pekerjaan kepada pekerja pada atau sebelum tarikh mula pekerjaannya dan apa-apa perubahan dalam gaji pekerja selepas itu. Namun, Ordinan tidak mewajibkan majikan untuk memberikan butir-butir tersebut kepada pekerja.

Selain itu, daftar yang disimpan oleh majikan di bawah Ordinan adalah termasuk maklumat berhubung dengan pekerjaan yang disimpan dalam buku, kad atau borang termasuk maklumat dalam bentuk elektronik. Di Semenanjung Malaysia, sekiranya majikan ingin menyimpan daftar dalam bentuk elektronik ia perlu memohon kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja untuk berbuat demikian.

Akta Kerja telah mengenakan kewajipan ke atas kontraktor buruh yang berniat untuk membekalkan pekerja dalam perusahaan pertanian untuk berdaftar dengan Ketua Pengarah Tenaga Kerja dalam masa empat belas hari

sebelum membekalkan pekerja itu. Akta juga menghendaki kontraktor buruh untuk menyimpan dan menyenggara maklumat mengenai pekerja yang dibekalkannya dalam suatu daftar dan daftar itu hendaklah disediakan bagi tujuan pemeriksaan. Tujuan ini adalah untuk memantau pembekalan pekerja oleh kontraktor buruh. Namun, tidak ada peruntukan yang serupa di bawah kedua-dua Ordinan.

Di bawah Bab XII Ordinan, terdapat peruntukan berkenaan hak dan kewajipan pekerja dan majikan tentang penghantaran pulang pekerja. Setiap pekerja berhak untuk dihantar pulang atas perbelanjaan majikan apabila kontrak perkhidmatan ditamatkan, sama ada penamatan dengan notis atau di sebaliknya. Peruntukan ini meliputi pekerja yang ditakrifkan di bawah Ordinan. Akta kerja tidak mempunyai peruntukan yang serupa ini.

Bagi kakitangan domestik atau pembantu rumah, Akta Kerja menetapkan bahawa tempoh notis penamatan kontrak seharusnya empat belas hari atau membayar indemniti yang sama dengan gaji yang kakitangan domestik patut diperoleh dalam masa empat belas hari itu. Di bawah Ordinan, notis penamatan kontrak perkhidmatan adalah tidak terpakai bagi kakitangan domestik.

Selain itu, Akta kerja telah mengenakan kewajipan ke atas majikan untuk memaklumkan Ketua Pengarah Tenaga Kerja mengenai pengambilan kerja dan penamatan perkhidmatan kakitangan domestik asing mereka. Maklumat yang diperolehi akan membantu Kerajaan untuk memantau pengambilan kerja kakitangan domestik asing. Namun, tidak ada peruntukan yang serupa di bawah kedua-dua Ordinan.

Akta Kerja juga menetapkan prosedur aduan dan siasatan untuk gangguan seksual dan ianya terpakai kepada semua pekerja tanpa mengira gaji mereka. Akta Kerja mengenakan kewajipan ke atas majikan untuk menyiasat aduan gangguan seksual dan mengemukakan hasil siasatan kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja. Jika aduan gangguan seksual dibuat terhadap majikan yang merupakan pemilik tunggal, Ketua Pengarah Tenaga Kerja hendaklah menyiasat sendiri aduan itu dan memaklumkan pengadu tentang keputusan itu. Sekiranya Ketua Pengarah Tenaga Kerja memutuskan bahawa gangguan seksual telah terbukti, pekerja boleh menamatkan kontrak perkhidmatan tanpa notis dan ia berhak kepada faedah penamatan dan indemniti sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta atau kontrak perkhidmatan. Walau bagaimanapun, tidak ada peruntukan yang serupa di bawah kedua-dua Ordinan.

Kesimpulannya, terdapat peruntukan-peruntukan tertentu yang khusus untuk pekerja-pekerja Sabah dan Sarawak dan pekerja-pekerja Semenanjung Malaysia seperti yang dibincang dalam artikel ini. Oleh kerana kebijakan pekerja di bawah ketiga-tiga kawasan wilayah tersebut dijaga dan dipelihara melalui standard dan langkah-langkah perlindungan yang berbeza, pekerja dan majikan, terutama mereka yang terlibat dalam arena pengurusan sumber manusia perlu membuat rujukan kepada peruntukan undang-undang tersebut atau merujuk kepada Jabatan Tenaga Kerja yang terdekat bagi mendapatkan panduan dan maklumat lanjut.

Disediakan oleh,
Phang Pin
Penolong Kanan Pengarah Tenaga Kerja
Bahagian Standard Perburuhan
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



PERLU TAHU ICT

Apa Itu Virus Komputer?

Ia merupakan satu program yang merebak dari satu komputer kepada komputer yang lain dan menyebabkan wujudnya sistem operasi yang tidak diingini. Ia boleh merosakkan dan memusnahkan data pada hard disk anda, merebak ke komputer lain melalui emel atau peranti USB dan juga menghapuskan semua data pada hard disk, yang akan mengakibatkan kegagalan keseluruhan sistem berfungsi.

Bagaimana Mencegahnya?

Berhati-hati ketika:



Berkongsi fail melalui peranti USB



Memuat turun fail/ perisian melalui internet



Membuka emel yang disertakan lampiran



Membuka pautan di laman sosial yang dikongsi (share)

Tanda-Tanda Komputer Dijangkiti VIRUS



Prestasi komputer tiba-tiba menjadi perlahan



Sebarang aplikasi atau fail yang hendak dibuka menjadi terlalu lambat



Sistem operasi Windows tidak dapat berfungsi dengan baik



Windows seringkali reboot dan proses reboot berlaku berulangkali



Menerima email yang mengandungi sisipan-sisipan yang ganjil



Saiz sesuatu fail berubah, walaupun anda tidak mengubahnya



Fail-fail yang anda simpan hilang satu persatu



Perisian Antivirus tiba-tiba hilang atau tidak boleh dipasang (install)

Sekiranya komputer anda mengalami tanda-tanda seperti diatas, laporkannya segera.



Salam Perkenalan



Kong Siew Chuo

Jawatan : Pegawai Undang-Undang Gred L44
 Dari : Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Sarawak
 Ke : Ibu Pejabat, JTK Sarawak
 Tarikh Lapor Diri: 15.03.2019



Terry anak Ranggie

Jawatan : Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41
 Dari : PTK Selangor
 Ke : PTK Miri
 Tarikh Lapor Diri: 19.04.2019



Steve anak Alexander Pateh

Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S29
 Dari : PTK Georgetown
 Ke : PTK Bakun
 Tarikh Lapor Diri: 28.01.2019



Emilya binti Yahya

Jawatan : Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41
 Dari : Ibu Pejabat, Jabatan Perhubungan Perusahaan
 Ke : PTK Kuching
 Tarikh Lapor Diri: 06.05.2019



Rajid bin Jeli

Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19
 Dari : KPDNHEP Cawangan Sarikei
 Ke : PTK Saratok
 Tarikh Lapor Diri: 29.01.2019



Sofiah binti Abdul Lahap

Jawatan : Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W22 (TBK1)
 Dari : Markas Pemerintahan Armada Barat, Perak
 Ke : PTK Lawas
 Tarikh Lapor Diri: 18.04.2019



Jenny anak Entiam

Jawatan : Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19
 Dari : Lantikan baru
 Ke : PTK Marudi
 Tarikh Lapor Diri: 28.06.2019

Kenaikan

Pangkat



Nama Pegawai: Ewim @ Ewiin anak Michael Sinar
Jawatan : Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S48 (M)
Penempatan: Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
Tarikh Kuat Kuasa: 11.02.2019



Nama Pegawai: Abang Mohd Khaider bin Abang Suhaili
Jawatan : Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41
Penempatan: PTK Bakun
Tarikh Kuat Kuasa: 02.05.2019



Nama Pegawai: Kavitha Rajandran
Jawatan : Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA32 (*Time-Based*)
Penempatan: Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
Tarikh Kuat Kuasa: 18.11.2018



Nama Pegawai: Taip bin Abnag Hazmi
Jawatan : Pembantu Operasi Gred N14 (*One Off*)
Penempatan: PTK Sarikei
Tarikh Kuat Kuasa: 01.04.2018



Nama Pegawai: Kipli bin Dollah
Jawatan : Pembantu Operasi Gred N14 (*One Off*)
Penempatan: Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
Tarikh Kuat Kuasa: 01.04.2018



Nama Pegawai: Jawi bin Udin
Jawatan : Pemandu Kenderaan Gred H14 (*One Off*)
Penempatan: PTK Kota Samarahan
Tarikh Kuat Kuasa: 01.04.2018



Nama Pegawai: Norin binti Salip
Jawatan : Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41
Penempatan: PTK Sibu
Tarikh Kuat Kuasa: 02.05.2019



Nama Pegawai: Hepni bin Salam
Jawatan : Pembantu Operasi Gred N14 (*One Off*)
Penempatan:PTK Miri
Tarikh Kuat Kuasa: 01.04.2018



Nama Pegawai: Yussof bin Tuko
Jawatan : Pembantu Operasi Gred N14 (*One Off*)
Penempatan: PTK Sibu
Tarikh Kuat Kuasa: 01.04.2018



Nama Pegawai: Delin bin Amin
Jawatan : Pemandu Kenderaan Gred H14 (*One Off*)
Penempatan: Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
Tarikh Kuat Kuasa: 01.04.2018



Nama Pegawai: Kanedi anak Aki
Jawatan : Pemandu Kenderaan Gred H14 (*One Off*)
Penempatan: PTK Serian
Tarikh Kuat Kuasa: 01.04.2018

Pertukaran (Ke Luar Jabatan)



Nama : Haji Kamal bin Haji Aris
Jawatan : Pegawai Perhubungan
Perusahaan Gred S48
Dari : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga
Kerja Sarawak
Ke : PTK Johor
Tarikh Kuat Kuasa: 11.02.2019



Nama : Dhivyarranjhini a/p Arumugam
Jawatan : Pegawai Undang-Undang
Gred L41
Dari : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja
Sarawak
Ke : Bahagian Keselamatan dan
Ketenteraman Dalam Negeri
Putrajaya
Tarikh Kuat Kuasa: 15.03.2019



Nama : Jamaliah binti Jamal Aladin
Jawatan : Pegawai Perhubungan
Perusahaan Gred S41
Dari : PTK Miri
Ke : Jabatan Tenaga Kerja Sabah
Tarikh Kuat Kuasa: 19.04.2019



Nama : Hairulnisa binti Mohamad Yusop
Jawatan : Pembantu Tadbir
(Perkeranian/Operasi) Gred N22 (TBK1)
Dari : PTK Bintulu
Ke : Jabatan Kimia Cawangan Bintulu
Tarikh Kuat Kuasa: 29.01.2019



Nama : Muhamad Izwan bin Abdul Rashid
Jawatan : Penolong Pegawai
Perhubungan Perusahaan
Gred S29
Dari : PTK Bakun
Ke : PTK Georgetown
Tarikh Kuat Kuasa: 02.01.2019



Nama : Nor Nazerul Nizar bin Nor Ismail
Jawatan : Jurubahasa Gred LA19
Dari : PTK Limbang
Ke : PTK Bentong, Pahang
Tarikh Kuat Kuasa: 14.01.2019



Nama : Louis anak Baong
Jawatan : Pembantu Tadbir
(Perkeranian/Operasi) Gred N19
Dari : PTK Saratok
Ke : KPDNHEP Cawangan Sarakei
Tarikh Kuat Kuasa: 29.01.2019



Nama : Ulil Amri bin Bujang
Jawatan : Pembantu Tadbir
(Perkeranian/Operasi) Gred N19
Dari : PTK Kuching
Ke : Kementerian Kesihatan
Malaysia
Tarikh Kuat Kuasa: 30.04.2019

Pertukaran (Dalam Jabatan)



Nama : Rahman bin Masa'at
Jawatan : Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S44
Dari : PTK Sibu
Ke : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
Tarikh Kuat Kuasa: 19.04.2019



Nama : Lolita anak Codala
Jawatan : Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41
Dari : PTK Kuching
Ke : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
Tarikh Kuat Kuasa: 06.05.2019



Nama : Melati anak Ah Nen
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Gred S32
Dari : PTK Bintulu
Ke : PTK Kuching
Tarikh Kuat Kuasa: 02.05.2019



Nama : Santi anak Ande
Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19
Dari : Bahagian Khidmat Pengurusan, Ibu Pejabat
Ke : Bahagian Penyelidikan & Maklumat, Ibu Pejabat
Tarikh Kuat Kuasa: 01.02.2019



Nama : Awang Razak bin Awang Ismail
Jawatan : Pemandu Kenderaan Gred H11
Dari : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
Ke : PTK Marudi
Tarikh Kuat Kuasa : 01.04.2019



Nama : Johnley anak Injan
Jawatan : Pemandu Kenderaan Gred H11
Dari : PTK Marudi
Ke : PTK Miri
Tarikh Kuat Kuasa: 01.04.2019



Nama : Abbian bin Ahmad
Jawatan : Pemandu Kenderaan Gred H11
Dari : PTK Miri
Ke : PTK Kuching
Tarikh Kuat Kuasa: 01.04.2019



Nama : Arman Sadek bin Sulong
Jawatan : Pemandu Kenderaan Gred H11
Dari : PTK Kuching
Ke : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
Tarikh Kuat Kuasa: 01.04.2019



Nama : Nordin bin Mohd Salleh
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S32
Dari : PTK Miri
Ke : PTK Limbang
Tarikh Kuat Kuasa: 02.01.2019



Nama : Siti Ilyani binti Drahman
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Gred S32
Dari : PTK Serian
Ke : PTK Kuching
Tarikh Kuat Kuasa: 02.05.2019



Nama : Kendy anak Boi
Jawatan : Pembantu Operasi Gred N11
Dari : PTK Miri
Ke : PTK Sri Aman
Tarikh Kuat Kuasa: 02.01.2019



Nama : Alexander Albert Rayang
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S32
Dari : PTK Limbang
Ke : PTK Miri
Tarikh Kuat Kuasa: 02.01.2019



Nama : Manggai anak Ganing
Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 (TBK1)
Dari : PTK Bintulu
Ke : PTK Bakun
Tarikh Kuat Kuasa: 24.06.2019



Nama : Gorettie Crissy binti Sudin
Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19
Dari : PTK Bakun
Ke : PTK Bintulu
Tarikh Kuat Kuasa: 24.06.2019

Pengurniaan Pingat



Nama Pegawai : Dedua anak Taim @ Tiam
 Jawatan : Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S48
 Pejabat Kurniaan Pingat : PTK Kuching
 Tarikh : 26.06.2019



Nama Pegawai : Barnabas anak Ahjam
 Jawatan : Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S48
 Pejabat Kurniaan Pingat : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
 Tarikh : 26.06.2019



Nama Pegawai : Sandak anak Patan
 Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S32
 Pejabat Kurniaan Pingat : PTK Kapit
 Tarikh : 21.03.2019



Nama Pegawai : Yusoff bin Tuko
 Jawatan : Pembantu Operasi Gred N14 (One Off)
 Pejabat Kurniaan Pingat : PTK Sibu
 Tarikh : 21.03.2019



Nama Pegawai : Manat anak Matu
 Jawatan : Penghantar Notis Gred N11
 Pejabat Kurniaan Pingat : PTK Kapit
 Tarikh : 21.03.2019



Nama Pegawai : Stewart anak Baring
 Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S32
 Pejabat Kurniaan Pingat : PTK Sibu
 Tarikh : 21.03.2019



Nama Pegawai : Kipli bin Dollah
 Jawatan : Pembantu Operasi Gred N14 (One Off)
 Pejabat Kurniaan Pingat : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
 Tarikh : 13.02.2019

Pegawai Yang Bersara



Nama Pegawai : Suchong bin Ali
 Jawatan : Pemandu Kenderaan Gred H14 (One Off)
 Tarikh Bersara : 06.01.2019
 Pejabat : PTK Bintulu

Kelahiran Cahaya Mata



Nama Pegawai
Jawatan

: Lio Siang Yun
: Pegawai Perhubungan
Perusahaan S41/S44
(Fleksi)
: PTK Marudi
: Xavier Lio Chun Jie
: 16.01.2019
: Lelaki



Nama Pegawai
Jawatan

: Rodizan bin Salleh
: Pembantu
Perhubungan
Perusahaan Gred S19
: PTK Bakun
: Muhammad Dalland
Dyan
: 31.01.2019
: Lelaki



Nama Pegawai
Jawatan

: Mohammad Ariffin
bin Samin
: Pembantu Tadbir
(Perkeranian/Operasi)
Gred N19
: PTK Betong
: Muhamaimin bin
Mohammad Ariffin
: 01.03.2019
: Lelaki



Nama Pegawai
Jawatan

: Augless Jinie
: Setiausaha Pejabat
Gred N29
: Ibu Pejabat, Jabatan
Tenaga Kerja Sarawak
: Aloffa Luna Wilson
: 12.04.2019
: Perempuan



Nama Pegawai
Jawatan

: Clinton Jemut anak
Avester Ujan
: Pembantu
Perhubungan
Perusahaan Gred S19
: PTK Sri Aman
: Alden Dampan anak
Clinton Jemut
: 10.05.2019
: Lelaki



Nama Pegawai
Jawatan

: Sam Faddy anak Layu
: Pembantu
Perhubungan
Perusahaan Gred S19
: PTK Kota Samarahan
: Azeline Hope Yon
anak Sam Faddy
: 12.06.2019
: Perempuan

Sekalung Takziah

1. Ayahanda kepada Puan Florence Yong Hui Ling, Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S44 dari PTK Kuching telah meninggal dunia pada 13.02.2019; dan
2. Ayahanda kepada Encik Conrad anak Benet, Pemandu Kenderaan Gred H11 dari PTK Sibu telah meninggal dunia pada 11.03.2019.

“Warga kerja JTK Sarawak mengucapkan takziah kepada keluarga mereka yang berkenaan.
Semoga rohnya dihimpunkan dalam kalangan orang-orang yang beriman. Amin.”

DIREKTOR

IBU PEJABAT JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK

Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar, Jalan Simpang Tiga, 93532 Kuching, Sarawak.

Tel : 082-242261 Fax : 082-244909 / 082-237051

E-mel : jtknsarawak@mohr.gov.my

Laman Web : <http://jtkswk.mohr.gov.my>

Talian Terus Bilik Gerakan Gaji Minimum : 082-254281

E-mel Bilik Gerakan Gaji Minimum : gajimin.swk@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA KUCHING

Tkt.7 & 8, Bangunan KWSP, Jalan Upland,
Peti Surat 375, 93300 Kuching, Sarawak

Tel : 082-247349 Faks : 082-247305

E-mel : jtkbkuching@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SIBU

Tkt.3, Wisma Persekutuan Blok 3, Lot 462, Persiaran
Brooke, Peti Surat 431, 96007 Sibu, Sarawak

Tel : 084-330700 Faks : 084-317284

E-mel : jtkbsibu@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA MIRI

Tkt.3, Bgn. Persekutuan, Jln Gartok,
Peti Surat 541, 98007 Miri, Sarawak

Tel : 085-419949 Faks : 085-417181

E-mel : jtkbmiri@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA LIMBANG

Tkt.2, Bgn Persekutuan
Jalan Fisher, Peti Surat 128,
98707 Limbang, Sarawak

Tel : 085-211228 Faks : 085-212461

E-mel : jtkblimbang@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SRI AMAN

Tkt. Bawah, Bgn. Persekutuan Fasa II, Jalan Kejatau,
Peti Surat 83, 95007 Sri Aman, Sarawak

Tel : 083-322527 Faks : 083-323194

E-mel : jtkbsriaman@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA KAPIT

Tkt.2, Wisma Persekutuan,
Jln. Kapit By-Pass, Peti Surat 75,
96807 Kapit, Sarawak
Tel : 084-796430 Faks : 084-797637
E-mel : jtkbkapit@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SARIKEI

Tkt.2, Wisma Persekutuan, Jln. Bgn. Kerajaan,
96100 Sarikei, Sarawak
Tel : 084-651242 Faks : 084-654011
E-mel : jtkbsariei@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA BINTULU

Tkt.2, Bgn Persekutuan, Batu 2, Jalan Bintulu/Miri,
Peti Surat 418, 97008 Bintulu, Sarawak
Tel : 086-331188 Faks : 086-339457
E-mel : jtkbbintulu@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA MARUDI

Tkt.2, Wisma Persekutuan, Jln Kampung Cina,

Peti Surat 224, 98508 Marudi, Sarawak

Tel : 085-755963 Faks : 085-756559

E-mel : jtkbmarudi@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SERIAN

Tkt. Bawah, Lot 1061-1062, Jln Alamanda,

Serian Town District, 94700 Serian, Sarawak

Tel : 082-874840 Faks : 082-875299

E-mel : jtkbserian@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA BAKUN

No.4 Sungai Asap Commercial Centre,

Belaga Peti Surat 418, 97008 Bintulu, Sarawak

Tel : 019-8595286 Faks : 086-339457

E-mel : jtkbbakun@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA KOTA SAMARAHAN

Sub Lot No.33, Lot 4681, Tkt.Bawah 1 & 2, Fasa 17,
Blok 1, Desa Ilmu, Sarawak Land District, Jln Dato' Mohd

Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak

Tel : 082-616073 Faks : 082-616054

E-mel : jtkbsamarahan@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SARATOK

Ground Floor, 3 Storey Shophouse, Lot 719,

Saratok Town District, 95400 Saratok, Sarawak

Tel : 083-438603 Faks : 083-438609

E-mel : jtkbsaratok@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA LAWAS

Tingkat Bawah 1 & 2, Bangunan Kedai 3 Tingkat,
Lot 334, Jln Trusan, Lawas Town District,

98850 Lawas, Sarawak

Tel : 085-285452 Faks : 085-285476

E-mel : jtkblawas@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA BETONG

Sublot 35 of Parent Lot 1992, Phase 3, Block 9,
Batu Api Land District, Betong Newtownship,

95700 Betong, Sarawak

Tel : 083-420233 Faks : 083-420244

E-mel : jtkbbetong@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA MUKAH

Sublot No.43, Lot 924 & 927, Block 68,
Mukah Land District, Mukah Town Extension Phase II,

96400 Mukah, Sarawak

Tel : 084-874179 Faks : 084-874182

E-mel : jtkbmukah@mohr.gov.my

JOBSMALAYSIA (JMC) KUCHING

Sublot 17, Lot 11884, Ground Floor (Corner Lot), KCLD, Jalan Tun Jugah, 93532 Kuching, Sarawak

Tel : 082-576497 Faks : 082-576492

E-mel : jmckch@mohr.gov.my

Diterbitkan oleh:

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak. Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Tenaga Kerja Sarawak. Artikel yang disiarkan dalam buletin ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar JTK Sarawak.